

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. LEE BOON CHYE [GOPENG]

TARIKH : 6 DISEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

DR. LEE BOON CHYE [GOPENG] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bilangan pensyarah dan pelajar di IPTA yang masih belum terima vaksinasi COVID-19.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli-ahli Berhormat sedia maklum, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah melaksanakan Fasa Pembukaan Kampus secara berperingkat mulai 15 Oktober 2021 yang lalu. Dalam hubungan ini, hanya warga IPT yang telah lengkap dos vaksin dan melepasi tempoh matang vaksinasi dibenarkan kembali ke kampus atau menghadiri sesi pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka.

Sebagai persiapan awal kepada perkara ini, KPT telah pun memulakan gerakan untuk memastikan semua warga IPT divaksin sepenuhnya sejak Ogos 2021. Bagi menjayakan usaha ini, KPT turut mendapat kerjasama daripada Jawatankuasa Petugas Khas Imunisasi COVID-19 (CITF) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang telah memberikan akses secara *walk-in* kepada pelajar dan kakitangan IPT di mana-mana Pusat Pemberian Vaksin (PPV) bermula 9 September 2021.

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan maklum balas yang diterima daripada IPT sehingga 30 Oktober 2021, seramai 1,101,779 orang daripada keseluruhan populasi IPT telah divaksin sepenuhnya. Walau bagaimanapun, baki seramai 168,000 orang yakni dalam 15 peratus daripada keseluruhan populasi warga IPT masih belum divaksin atas faktor kesihatan dan masih belum bersedia untuk menerima vaksin.

Langkah susulan seperti sesi kaunseling dan taklimat khas yang menjelaskan tentang kepentingan pengambilan vaksin serta penerangan kepada golongan terbabit bahawa vaksinasi tidak membawa keburukan akan diadakan secara berterusan bagi memastikan semua warga IPT divaksin sepenuhnya.

Sekian, terima kasih.